

Pindaan Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023)
Bagi Arahan Perbendaharaan (AP) 150

No. AP	Tajuk	Perincian AP	Tarikh Kuat Kuasa
AP 150	Pelupusan Rekod Kewangan Dan Perakaunan	(a) (iii) Bagi tujuan pelupusan rekod kewangan dan perakaunan termasuk rekod dalam bentuk mikrografik atau digital, kebenaran hendaklah diperoleh terlebih dahulu daripada Ketua Audit Negara, Akauntan Negara atau Bendahari Negeri/ Akauntan Negeri dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia sebelum memohon kelulusan pelupusan daripada Ketua Pengarah Arkib Negara. (iv) Bagi rekod kewangan dan perakaunan termasuk mikrografik atau digital yang rosak disebabkan oleh bencana alam, kebakaran, dimakan anai-anai dan sebagainya, permohonan pelupusan perlu mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah Arkib Negara. (b) Bagi pelupusan rekod kewangan dan perakaunan termasuk mikrografik atau digital yang tidak dinyatakan dalam Lampiran M atau Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan, kebenaran daripada Ketua	28 November 2025

No. AP	Tajuk	Perincian AP	Tarikh Kuat Kuasa
		Setiausaha Perbendaharaan atau pihak berkuasa Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum memohon kelulusan Ketua Pengarah Arkib Negara. Bagi pelupusan semua rekod kewangan dan perakaunan termasuk rekod mikrografik atau digital yang di bawah bidang kuasa Sabah dan Sarawak kelulusan hendaklah diperoleh daripada Arkib Negeri Sabah dan Pustaka Negeri Sarawak	